

19 JUN 1998

UMNO : ABIM PUJI USAHA DR MAHATHIR PERTAHANKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) hari ini memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana usaha beliau yang konsisten dalam mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang berhak menentukan arah haluan sendiri.

Naib Presiden ABIM Abdul Halim Ismail berkata pertubuhan itu turut menyokong pendapat Perdana Menteri bahawa orang luar memang mencemburui Malaysia yang berpotensi menjadi sebuah negara maju dan memberi saingan kepada mereka.

"Kerana itu kita harus berani mempertahankan maruah negara dengan apa cara sekalipun, di samping perlu berhati-hati agar tidak terperangkap dalam rencana mereka (pihak asing) yang penuh muslihat," katanya dalam satu kenyataan hari ini sebagai menyokong ucapan Dr Mahathir selaku Presiden Umno pada perasmian Perhimpunan Agung parti itu di sini hari ini.

Bagaimanapun, Abdul Halim berkata, kerajaan perlu membuat pemerhatian terhadap kelemahan dalaman yang telah menjadikan sistem pertahanan ekonomi negara mudah "diceroboh" oleh orang luar.

"Kelemahan dalaman ini telah menyebabkan kita mudah menerima kesan buruk dari manipulasi orang luar," katanya.

ABIM turut meminta kerajaan memberi perhatian kepada usaha membangunkan sektor pertanian dan sektor-sektor penggantian import, kerana menurutnya, kekurangan dalam bidang berkenaan telah menyebabkan negara terpaksa bergantung kepada sektor luar yang sensitif kepada perubahan kadar pertukaran (mata wang).

-- BERNAMA

WNZ MAI